



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL
SCIENCES AND
HUMANITIES

UHIT 2302 - 18 (PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI)

SEMESTER 2, 2020/2021

TUGASAN BERKUMPULAN

LAPORAN PROJEK

(GROUP POWERPUFF GIRL)

TAJUK: TEKNOLOGI BUATAN (AI)

NAME	NO.MATRIK
TAN JIA XUAN	A20EC0154
LOW JUNYI	A20EC0071
RISHMA FATHIMA BINTI BASHER	A20EC0137

DISEDIAKAN KEPADA : PROF DR AJMAIN SAFAR

Video link : <https://youtu.be/4p4PVSViTmg>

Ringkasan Projek:

Dalam projek ini, kita telah memperkenalkan Teknologi Buatan (AI) dengan lebih teliti kepada orang ramai menggunakan kaedah video yang kreatif. Pada hari ini, perkembangan AI semakin luas dan canggih terlibat dalam pelbagai bidang seperti kereta pintar dalam bidang pengangkutan dan drone dalam bidang keselamatan. Pada zaman kemodernan ini, AI dipercayai akan menjadi aliran utama dalam perkembangan tamadun manusia pada masa depan. Oleh itu, kita perlu lebih memahami AI dan mengaplikasikannya dalam kehidupan harian. Bersama dengan tujuan ini, projek kita telah mengemukakan beberapa objektif bagi memperkenalkan AI.

Objektif kita adalah untuk mengkaji pandangan dan kesan perkembangan secara pesat Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) terhadap rakyat di Malaysia, mengkaji kebaikan dan keburukan AI terhadap tamadun manusia dan mengkaji dan membincang potensi perkembangan AI pada masa depan. Kita telah membuat kajian secara atas talian terhadap rakyat Malaysia untuk menyiasat pandangan mereka tentang AI. Kita juga telah menumpukkan perhatian membincangkan kebaikan dan keburukan AI serta potensi perkembangan AI yang positif dengan negatif pada masa depan demi membolehkan pengguna AI dapat mengenal pasti perkara yang baik dan buruk dalam AI supaya tidak menyalahgunakannya. Kita juga telah membincangkan AI dari perspektif nilai-nilai etika serta pemikiran sains dan teknologi bagi mengetahui etika dalam AI supaya dapat menggunakan dan mengembangkan AI dengan betul dan maju.

Selain itu, kita telah membuat banyak penyelidikan terhadap AI untuk mendapatkan maklumat yang lebih teliti dan lebih tepat. Kita telah menggunakan maklumat-maklumat daripada rujukan yang boleh dipercayai dan tepat dalam projek kita. Selepas itu, kita telah memilih fakta-fakta yang penting bagi dimasukkan dalam video yang ingin disampaikan. Kita berjaya menghasilkan video projek dengan kerjasama antara ahli-ahli kumpulan yang sentiasa menyumbang idea dalam projek ini.

Kedah penyediaan video : Powtoon, CapCut

Hasil Survey yang dibuat :

Dalam survey ini, Borang soal selidik yang bersesuaian dengan objektif projek telah diedarkan kepada responden melalui google form. Borang soal selidik ini berbentuk soalan tertutup supaya dapat memudahkan proses analisis. Sebagai hasil daripada kajian ini, kita telah memperoleh 25 responden daripada pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Survey ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian pengetahuan dan pandangan terhadap AI, AI dalam kehidupan responden dan AI di Malaysia. Melalui projek ini, kebanyakan responden mempunyai pengetahuan yang mendalam dan mempunyai pandangan yang berlainan terhadap kajian ini. Lebih daripada 90% responden menggunakan AI dalam kehidupan mereka untuk tujuan navigasi, membeli produk melalui Internet serta menghubungi rakan mereka. Responden juga berpendapat bahawa AI di Malaysia masih tidak dapat perhatian yang secukupnya dan kerajaan kurang memberi sebarang perhatian kepada bidang ini.

Rumusan :

Tuntasnya, terdapat banyak persepsi tentang Teknologi Buatan (AI) yang telah dibincangkan dalam kajian ini, antaranya ialah tahap pengetahuan dan pandangan masyarakat tentang teknologi AI, pengaruh teknologi AI dalam kehidupan masyarakat dan kecanggihan teknologi AI di Malaysia. Masyarakat Malaysia masih perlu mengetahui AI dengan lebih mendalam supaya dapat menggunakannya dengan cara yang betul. Walaupun negara maju seperti Jepun lebih canggih dalam teknologi AI tetapi Malaysia tidaklah ketinggalan zaman. Hal ini demikian kerana, penggunaan AI yang berlebihan akan mempunyai impak negatif dan positif kepada masyarakat negara kita yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan teknologi AI di Malaysia telah membantu ramai masyarakat dari pelbagai aspek dan bidang profesional seperti bidang kesihatan, bidang perkilangan, bidang pengangkutan dan bidang keselamatan. Tambahan pula, AI mempunyai banyak potensi sama ada baik atau buruk yang dapat membantu perkembangan negara. Oleh itu, kita haruslah biasa dengan AI dan mengembangkannya dalam bidang yang betul.

Rujukan

- Gunning, D., & Aha, D. W. (2019). DARPA's Explainable Artificial Intelligence (XAI) Program. *AI Magazine*, 40(2), 44–58. <https://doi.org/10.1609/aimag.v40i2.2850>
- Guzman, A. L. (2018). Beyond extraordinary: Theorizing artificial intelligence and the self in daily life. In *A networked self and human augmentics, artificial intelligence, sentience* (pp. 83-96). Routledge.
- Haenlein, M., & Kaplan, A. (2019). A Brief History of Artificial Intelligence: On the Past, , and Future of Artificial Intelligence. *California Management Review*, 61(4), 5–14. <https://doi.org/10.1177/0008125619864925>
- Hamet, P., & Tremblay, J. (2017). Artificial intelligence in medicine. *Metabolism*, 69, 36–40. <https://doi.org/10.1016/j.metabol.2017.01.011>
- Jordan, M. I. (2019). Artificial Intelligence—The Revolution Hasn't Happened Yet. *Harvard Data Science Review*, 1(1). <https://doi.org/10.1162/99608f92.f06c6e61>
- Kelly, C. J., Karthikesalingam, A., Suleyman, M., Corrado, G., & King, D. (2019). Key challenges for delivering clinical impact with artificial intelligence. *BMC Medicine*, 17(1), 195. <https://doi.org/10.1186/s12916-019-1426-2>
- Koch, M. (2018). Artificial intelligence is becoming natural. *Cell*, 173(3), 531.

- Kusumawati, R. (2018). KECERDASAN BUATAN MANUSIA (ARTIFICIAL INTELLIGENCE); TEKNOLOGI IMPIAN MASA DEPAN. *UL AULLBAB Jurnal Studi Islam*, 9(2), 257–274. <https://doi.org/10.18860/ua.v9i2.6218>
- Lee, R. S. (2020). *Artificial Intelligence in Daily Life*. Springer.
- Lu, H., Lee, Y., Chen, M., Kim, H., & Serikawa, S. (2018). Brain Intelligence: Go beyond Artificial Intelligence. *Mobile Networks and Applications*, 23, 368–375. <https://doi.org/10.1007/s11036-017-0932-8>.
- Nawi, A. (2019). Penerokaan awal terhadap isu dan impak penggunaan teknologi kecerdasan buatan terhadap kehidupan manusia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(4), 24–33.
- Raj, M., & Seamans, R. (2019). Primer on artificial intelligence and robotics. *Journal of Organization Design*, 8(1), 11. <https://doi.org/10.1186/s41469-019-0050-0>